

## **Sastera Siber dan Perkembangannya Di Malaysia**

**Chew Fong Peng  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
fpchew@um.edu.my**

### **Abstrak**

Era teknologi maklumat telah merubah wajah sastera Melayu dari bentuk lisan dan bercetak kepada bentuk sastera siber menerusi kemudahan internet. Sastera siber mempunyai kecapaian segera dan meluas. Karya siber lazimnya bersifat dinamik, boleh diedit sepanjang masa. Dari segi bentuk pula, karya siber dipersembahkan dalam bentuk multi-media, hasil gabungan 3D, yakni teks, grafik, dan audio. Persoalan sekarang, sejauhmanakah sastera siber ini diterima oleh para mahasiswa aliran sastera? Untuk mencari jawapan, satu kaji selidik dijalankan terhadap 52 orang mahasiswa di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya dengan menggunakan soal selidik. Secara umumnya, mahasiswa bersetuju bahawa sastera siber membantu memperkembang sastera Melayu dalam masyarakat umum di Malaysia dan sastera siber lebih menarik daripada sastera bercetak. Namun mereka kurang bersetuju terhadap isu-isu lain seperti sastera siber hanya sesuai untuk karya pendek, sastera siber ialah medan untuk para pengarang menyiarkan karya mereka, penghasilan novel secara kumpulan oleh para pembaca di alam maya, dan perkembangan sastera siber di Malaysia adalah memuaskan. Analisis Anova satu hala pula menunjukkan tidak wujud perbezaan persepsi yang ketara para mahasiswa dari segi etnik dan SES terhadap isu-isu sastera siber. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sastera siber masih belum meluas perkembangannya dan penerimaannya di kalangan masyarakat umum. Oleh itu, semua pihak perlu bergembeling untuk menjayakan sastera siber dalam usaha memartabatkan kedudukan sastera Melayu di mata dunia.

## **Sastera Siber dan Perkembangannya di Malaysia**

### **Pendahuluan**

Perkembangan karya sastera banyak bergantung kepada medium penyebaran utama yang digunakan oleh manusia mengikut zaman. Sastera Melayu misalnya bermula dengan karya lisan yang banyak bergantung kepada ciri penyebaran dari mulut ke mulut. Karya sastera yang disebarkan sedemikian cara lazimnya menerima ubahsuaian, tokok tambah dan pengguguran mengikut penglipur lara dan selera penduduk tempatan. Namun kepengarangan tidak menjadi perkara utama bagi sesebuah karya sastera.

Kemunculan sistem tulisan yang diikuti dengan mesin cetak telah mengubah ciri perkembangan sastera daripada bentuk lisan kepada bentuk tulisan bercetak yang semakin autentik sifat dan kandungannya. Kepengarangan yang tidak penting pada mulanya lambat laun menjadi semakin diutamakan. Namun evolusi yang berlaku sangat perlahan dan makan masa yang lama memandangkan bukan semua orang mampu membeli buku sastera ketika itu.

Mulai tahun 1975, komputer peribadi mula diperkenalkan dan digunakan dalam kerja menulis dan mencetak semata-mata. Sekitar tahun 1985, usaha ke arah pembangunan sistem komunikasi moden berjaya memperkenalkan sistem internet. Daripada itu, kadah komunikasi baru pun lahir dan terciptalah wadah komunikasi yang digelar "alam siber".

Internet menjadi media yang moden, menjanjikan prospek dan merupakan tren generasi mutakhir, dan masa depan. Dalam usaha mengembang dan memartabatkan

kedudukan sastera kebangsaan di tanah air kita, maka internet digunakan oleh sesetengah pihak untuk dibuat laman web khusus untuk sastera yang digelar e-sastera.

### **Sastera Siber di Malaysia Secara Umum**

Hari ini secara konservatif, terdapat lebih 542 laman web khusus untuk sastera siber Melayu di Internet. Jikalau kita menggunakan *Search* dalam *Google* untuk mencari cyber literature, kita akan mendapati 2,620,000 bahan yang menunjukkan betapa besarnya dunia sastera di laman web.

Hari ini sastera siber menjadi satu fenomena yang tidak dapat dipandang ringan. Sastera siber tidak bermaksud maklumat mengenai buku, karya, penulis atau informasi semata-mata, tetapi meliputi debat, wacana dan *chat room* yang khusus. Sastera siber mempunyai "komuniti sasterawan" yang tersendiri. Sebahagian besar daripada mereka tidak kita kenal di dunia nyata sebagai penyair atau cerpenis atau novelis, namun dalam dunia maya, mereka mempunyai pengikut dan pembaca yang bukan sedikit (Johan Jaafar, 2004: 42).

Di Malaysia, terdapat beberapa laman utama yang menyediakan ruang untuk peminat dan kelompok penulis, terutamanya generasi muda untuk berkarya, antara yang penting termasuklah laman [www.pustakamaya.net](http://www.pustakamaya.net), [www.Melayu.com](http://www.Melayu.com), [www.KaryaNet.com.my](http://www.KaryaNet.com.my), [www.arahkiri.cjb.net](http://www.arahkiri.cjb.net), [www.idealismahasiswa.net](http://www.idealismahasiswa.net), [www.esastera.com](http://www.esastera.com) dan lain-lain.

[www.Melayu.com](http://www.Melayu.com) merupakan majalah hiburan yang agak baru, terdiri daripada dua ruang utama, iaitu "Perkampungan KMC" dan "Pusat karya". Selain itu, beberapa ruangan masih dalam proses pembikinan seperti "cenderahati", "artikel", "iklaneka", "aktiviti *wallpaper*", dan "galeri". Untuk melayari semua ruang tersebut, seseorang itu perlu mendaftarkan diri sebagai ahli

komuniti Melayu.com.

Ruang "Pusat karya" adalah ruang dalam percubaan yang memuatkan kategori karya sajak dan puisi, nostalgia, cerpen, diari, pantun seloka dan warkah. Manakala "Perkampungan KMC" terdiri daripada tujuh kolom, iaitu "Balai Raya", "Perkampungan Khas", "Perkampungan Ilmiah", "Perkampungan Umum", "Perkampungan Ramadhan dan Syawal", "Perkampungan Aktiviti dan Hobi" dan "Perkampungan Usahawan". Dalam "Perkampungan Aktiviti dan Hobi", mempunyai "Desa Sastera dan Budaya" yang memuatkan aktiviti sastera dan budaya masyarakat kita seperti adat resam, tatasusila dan penulisan kreatif.

Laman web yang tidak asing kepada khalayak sastera ialah [www.KaryaNet.com.my](http://www.KaryaNet.com.my) tajaan Dewan Bahasa dan Pustaka, IGD Hitech Corp. Sendirian Berhad, dengan sokongan NITC Malaysia. KaryaNet ialah portal yang bersifat pusat sehenti (*one stop centre*), yang memberikan tumpuan utama kepada aktiviti pembangunan komuniti dan pelaksanaan program kesusasteraan dan lainnya dalam talian (Mohamad Daud Mohamad, 2006: 20). Antara komuniti penting dalam menggerakkan KaryaNet DBP terdiri daripada penulis, penilai, penterjemah, editor, pereka grafik, penerbit dan sesiapa sahaja yang terlibat dalam dunia penerbitan, perniagaan serta pembaca genre kesusasteraan.

Matlamat utama kewujudan KaryaNet DBP adalah untuk membina dan membangunkan masyarakat Malaysia yang celik huruf, bermaklumat, berpengetahuan dan berilmu. Untuk merealisasikan matlamat murni itu, Portal KaryaNet DBP telah mewujudkan empat ruang utama, iaitu laman utama, E-karyawan, E-Pustaka, dan E-Penerbitan.

Dalam pada itu, KaryaNet menyediakan tiga laman utama dalam usaha mengembangkan bahasa dan sastera kebangsaan, iaitu laman bahasa, laman sastera dan

budaya, dan laman kanak-kanak. Laman sastera dan budaya memuatkan empat genre sastera, terdiri daripada pantun, novel, puisi dan cerpen. Buat masa sekarang, perhatian dan kecenderungan KaryaNet mengembangkan sastera ditumpukan kepada karya sains. Hal ini diperlihatkan melalui penyiaran novel sains fiksiyen Amran Chik berjudul "Ropin" sepanjang 17 episod, anugerah Puisi Sains 2003 dan 2004. Hal ini boleh dikaitkan dengan era sains dan teknologi semasa, selain impian pemimpin negara untuk menjadikan negara kita industri moden mengikut acuan Wawasan 2020.

Daripada sekian banyak laman sastera, laman sastera yang paling menonjol ialah esastera.com. Istimewanya laman ini disebabkan laman ini memuatkan sepenuhnya karya sastera dalam pelbagai genre oleh kebanyakan penyumbangannya, malahan ia dikenali sebagai majalah sastera elektronik (Mohd. Dahri Zakaria, 2004).

Berikutan itu, esastera.com dikatakan merupakan pencapaian terbaik dunia sastera berbahasa Melayu di alam siber (Internet) setakat ini jika dilihat dari segi penyiaran karya. Ditubuhkan pada tahun 2002, kini Esastera.com mempunyai keahlian hampir 1,400 orang, termasuk mereka yang berada di Eropah, Asia Barat, Australia, dan Amerika Syarikat (Editorial *Sastera.Net*, 2007: 15).

Sehingga kini, [www.esastera.com](http://www.esastera.com) mempunyai 18 ruangan (dinamai 'komuniti') sastera, dengan 17 komuniti sastera dan satu komuniti bukan sastera, iaitu komuniti "Profil" yang menyiarkan biodata ahli secara rinci. Setiap komuniti esastera.com mengandungi tiga subkomuniti. Setiap komuniti juga mempunyai ruangan "Forum" untuk diskusi, ruangan "Galeri" untuk menyiarkan gambar, dan "Papan Nota" untuk interaksi tidak formal antara ahli. Di samping itu, seksyen "Karya Pilihan untuk Administrator" menyiarkan judul-judul karya yang dianggap terbaik dan wajar untuk menarik perhatian pembaca. Kekecualian terdapat pada komuniti "Novelis" yang mempunyai dua subkomuniti kerana komuniti ini

mempunyai reka bentuk yang tersendiri, berbeza daripada komuniti lain, sesuai dengan sifatnya yang panjang dan bersiri.

Antara 18 komuniti dalam esastera.com serta subkomuniti yang sepadan itu termasuklah komuniti "Penyair" yang menyiarkan karya-karya sajak, ulasan sajak dan artikel; "sajen" untuk sajak jenaka, cerita jenaka dan artikel; "Haiku dan Tanka" iaitu bentuk puisi Jepun yang terkenal, ditulis dalam Bahasa Melayu, iaitu Haiku, Tanka dan Senyru; "Resensi" yang memuatkan resensi buku, filem dan penulis yang dikenali, "cerpenis" yang menghimpunkan cerpen, cerpendek, dan luahan rasa; "Berita dan Bicara Sastera" yang mengandungi berita sastera, bicara sastera dan wawancara tamu yang berkait dengan kegiatan dan aktiviti sastera yang dijalankan; "Novelis" yang memuatkan dua bentuk novel, yakni novel individu dan novel kongsi. Novel kongsi yang ditulis oleh ahli tetap secara bergilir-gilir untuk meneruskan sinambungan cerita; "Poets" yang memuatkan puisi dalam Bahasa Inggeris, MAGPIE, dan NEOPIE; "Profil" untuk profil penulis, wawancara, dan profil eksklusif; "Akademi" yang menyiarkan puisi, cereka, dan artikel atau ulasan; "Dramatis" yang memuatkan skrip drama, aktiviti dan maklumat mengenai drama; "Lagu Puisi" yang menyiarkan lagu puisi, puisi dan video, serta artikel dalam bentuk tiga dimensi; "Madah" yang mengandungi madah, madah cuplikan, dan madah jenaka; "Pantun" menghimpunkan sumbangan pantun, pemantun idola, dan ulasan; "Sastera Sains" yang terdiri daripada puisi sains, cereka sains, dan isu sains atau sastera; "Sastera Tradisional" yang memuatkan cerita rakyat, cerita kanak-kanak dan puisi tradisional; "Teka-teki" yang menyiarkan teka-teki, kuiz sastera, dan keputusan kuiz, dan "Tunas Karya" yang menghimpunkan puisi, cereka dan artikel yang dikhaskan kepada ahli yang berusia tidak melebihi 15 tahun

Setiap komuniti mempunyai Administrator (editor) masing-masing.

Administrator memantau perjalanan komunitinya dan mempunyai kuasa untuk mengedit atau memadam karya. Administrator esastera.com berada di lokasi yang berbeza di Malaysia, manakala tiga orang dari luar negara, iaitu Australia, Jepun dan Ireland. Kawalan keseluruhan esastera.com dijalankan oleh pengasasnya, iaitu Irwan Abu Bakar Wan Abas (Editorial *Sastera.Net*, 2007: 15).

Esastera.com merupakan e-majalah sastera yang sangat besar. E-majalah ini menangani semua genre sastera Melayu, dan mungkin merupakan E-majalah sastera Melayu terbesar di dunia dari segi skop genre yang diliputi. Kepelbagaian genre dan komuniti yang ada membolehkan pengunjung berkarya dan menikmati karya secara bebas dan terbuka, menjadikan laman sastera ini menarik untuk dikunjungi.

Bagi penulis-penulis baru dan belum cukup kejituannya untuk meyakinkan penerbit-penerbit besar pula, menghasilkan terbitan sendiri, baik di dalam bentuk buku, atau majalah mini (*zine*), merupakan satu alternatif yang semakin popular dan mempunyai impak yang tidak kurang pentingnya. Kini, usaha terus dijalankan bagi meyakinkan pihak-pihak berkenaan bahawa karya-karya di internet layak menerima layanan yang sama seperti karya-karya bercetak, walaupun masih jauh lagi perjalanannya (Editorial, 2006). Baik di laman komuniti esastera.com atau emajalah Sastera SMS, pergelutan yang lebih bagi menghasilkan karya-karya bermutu amat penting dijalankan. Usaha berkenaan amat bermakna dalam usaha memperkaya khazanah sastera Melayu yang bermutu.

### **Sastera Siber: Perkembangan dan Pengisiannya**

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Zalina Mohd. Aris (2000), mahasiswa Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) biasa melayari Internet. Daripada 40 orang responden, 97.5 peratus melayari Internet antara satu hingga tiga jam seminggu.

Ini menunjukkan bahawa kemudahan internet telah memberi kemudahan kepada mahasiswa untuk memperoleh maklumat, informasi, input dan lain-lain, menggantikan tempat rujukan biasa dalam bentuk bahan bercetak seperti buku, jurnal, terbitan berkala, monograf dan lain-lain.

Dalam konteks sastera siber, internet telah menyediakan medan dan tapak subur untuk para peminat sastera, penulis, sasterawan dan pengulas sastera untuk menyumbangkan karya mereka di alam maya. Apa yang lebih penting ialah internet memberi ruang, wajah dan imej baru kepada sastera. Salah satu sifat sastera siber yang utama ialah sifat interaktifnya. Berbanding cara tradisi kita membaca karya sastera dalam bentuk bercetak, E-sastera memberikan dimensi baru kerana karya E-Sastera berupa “karya dalam pembikinan” (*work in progress*) atau “karya yang sedang digarap” (*writings in the making*) sepanjang masa (Irwan Abu Bakar, 2007: 19).

Karya yang dihantar ke E-Sastera sentiasa dibaiki, diubahsuai, atau diinovasikan bentuk agar menjadi lebih indah, estetika dan berkesan mengikut kehendak masing-masing. Malahan novel yang disiarkan dalam E-Sastera memberi peluang kepada para pembaca untuk melengkapkan cerita mengikut selera masing-masing, contohnya keunikan novel *Hostel Debaran Kedua* yang tersiar dalam Esastera.com pada 2005, bukan hasil minda seorang pengarang, tetapi 12 orang. Setiap orang pembaca boleh mengakses ke halaman web dan ikut serta dalam eksperimen dan permainan intelektual itu. Kelebihan eksperimen itu bukan sahaja memberi keasyikan kepada kedua-dua pihak pengarang dan pembaca, malahan khalayak boleh menyumbang minda mereka dalam proses kreatif dan itu menjanjikan jalan cerita yang mendebarkan atau kesudahan yang sukar diramalkan.

Dengan itu, karya sastera dalam alam maya adalah bersifat lebih dinamik dan hidup. Dalam pada itu, soal jaminan mutu menuntut anjakan paradigma masyarakat,



yakni tugas atau beban untuk memastikan mutu karya kreatif seseorang tidak lagi terletak di bahu editor atau pemilik laman web, sebaliknya kembali kepada tanggungjawab pengarang itu sendiri (Wan Abu Bakar Wan Abas, 2003).

Berikutan itu, karya E-Sastera memberikan ruang interaksi antara penulis dengan pembaca. Dalam ruang “Surat Pembaca”, misalnya para pembaca bebas memberikan komentar, cadangan atau pandangan kepada pihak penulis untuk menambahsedapkan karya mereka, berinteraksi mengenai perkembangan cerita atau kecenderungan penulisan pengarang itu. Manakala pengarang boleh memberi respon kepada stimuli daripada pembaca. Secara tidak langsung, cara ini merapatkan hubungan antara dua pihak yang langsung tidak berkenalan selain memperkenalkan penulis muda kepada khalayak pembaca.

Selain itu, karya E-Sastera memberikan “suara” dan struktur baru dalam pengucapan sastera. Karya sastera tidak lagi dilahirkan dalam satu bentuk semata-mata, iaitu bercetak, sebaliknya ditonjolkan dengan cara yang lebih menarik. Di sini para pengarang tidak lagi “menulis” semata-mata, tetapi “merekacipta” (*design*) karyanya dalam bentuk multi-media, hasil gabungan 3D, yakni teks, grafik, dan audio. Karya tidak lagi “ditulis” semata-mata, sebaliknya “digubah”.

Hari ini, dengan melayari laman web sastera, khalayak pembaca akan dapat menikmati warna, grafik, teks, diiringi muzik dan efek suara yang lain, termasuklah suara bacaan pengarang itu sendiri, khususnya sajak. Malahan pengendali laman web juga boleh mempamerkan visual pengarang itu membaca sajaknya. Cara persembahan ini tentu lebih menarik berbanding bentuk buku, terutama dalam memancing minat pembaca muda kini yang hidup dalam era teknologi maklumat ini, contohnya pantun dalam [www.KaryaNet.com](http://www.KaryaNet.com) menyiarkan suara deklamator, membantu pembaca menghayati pantun itu dengan cara bacaan yang betul.

Di samping itu, karya E-Sastera memberikan audiens yang jauh lebih luas dan membuka ruang untuk lebih banyak “pembaca” (*interactor*) dalam dunia siber. Oleh sebab internet merangkumi rangkaian seluruh alam maya, maka karya itu tersiar di seluruh dunia. Sesiapa yang mengetahui alamat laman web E-Sastera boleh melayarinya. Dengan klik di hujung jari sahaja, dunia sastera siber terpampang di depan mata; begitu mudah dan pantas. Kemudahan ini mengundang lebih banyak pembaca berbanding karya sastera dalam bentuk cetakan yang sukar diperoleh terutama di kawasan luar bandar; malahan pembacanya meliputi seluruh dunia, merangkumi kawasan terpencil asalkan mempunyai kemudahan internet.

Keberkesanan E-Sastera sangat bergantung kepada komuniti sastera atau *interactors* yang memanfaatkannya. E-Sastera merupakan struktur program yang khusus bagi memberikan sifat pada sastera itu. Segala bentuk dan struktur sastera konvensional tetap perlu dikekalkan seperti keaslian pengucapan, plot, penggunaan metafora, perlambangan, gaya naratif dan lain-lain; cuma cara persembahannya dijalinan dalam alam maya yang memberikan nyawa dan nafas baru kepada karya sastera itu sendiri.

Justeru itu, muncullah istilah “cereka interaktif” (*interactive fiction*) yang melibatkan kedua-dua pihak penulis dan pembaca. Dalam keadaan tertentu, karya sastera dalam internet mengambil bentuk permainan komputer. Pembaca yang mengikuti karya sastera sedemikian bukan sahaja boleh beralih sudut pandangan dan terasnya, malahan boleh turut terlibat memberi pandangan, mencadangkan pembaikan malah membetulkan kesudahan cerita.

Daripada perbincangan di atas, maka dapat dibuat rumusan awal bahawa E-Sastera membawa banyak kebaikan kepada para pengguna. Dalam konteks ini, Norafida Ithnin dan Othman Ibrahim (2000: 34) menyatakan beberapa kelebihan yang

boleh diperolehi daripada penggunaan internet, iaitu:

- a. Capaian terhadap sistem yang dibangunkan boleh dilakukan 24 jam sehari
- b. Sistem yang dibangunkan secara atas talian membenarkan pengguna memasukkan maklumat secara interaktif
- c. Pengguna akan memperolehi maklumat yang dikehendaki dengan banyak dalam tempoh masa yang singkat dan kos yang rendah
- d. Pengemaskinian maklumat boleh dilakukan dari semasa ke semasa

### **Persepsi Khalayak terhadap Sastera Siber**

Daripada pernyataan yang disebutkan di atas, disetujui umum bahawa sastera siber mula memainkan peranan penting dalam mengisi khazanah sastera tanah air kita. Maka kajian perlu dijalankan untuk menjawab beberapa persoalan, iaitu apakah penerimaan mahasiswa terhadap perkembangan laman sastera? Adakah terdapat perbezaan antara kaedah lama membaca karya sastera bercetak dengan E-sastera berdasarkan persepsi mahasiswa? Dan apakah masalah yang dihadapi oleh mahasiswa semasa melayari E-sastera?

Skop kajian ditumpukan kepada mahasiswa tahun ketiga program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan pada semester I sesi 2006/2007 Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Seramai 52 orang mahasiswa yang mengambil kursus Bacaan dan Kesusasteraan Awal Kanak-kanak, dijadikan responden kepada kajian yang dijalankan.

Seminggu sebelum kajian dijalankan, pensyarah yang mengajar kursus telah meminta mahasiswa melayari ketiga-tiga laman sastera yang dibincangkan di atas untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang sastera siber. Selepas itu, instrumen berbentuk soal selidik digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan yang telah dikemukakan dan memenuhi objektif kajian. Soal

selidik yang diedarkan mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi butiran latar belakang responden. Bahagian kedua mempunyai pernyataan berkaitan dengan persepsi responden terhadap E-sastera, perkembangan, pengisian dan permasalahannya.

Kebolehpercayaan menerusi *Reliability Analysis-Scale Alpha* ialah 0.7233 menerusi enam soalan dalam kajian rintis telah dijalankan. Data yang telah dilengkapkan oleh responden, dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 13.0. Statistik deskriptif digunakan untuk mengetahui penerimaan mahasiswa terhadap sastera siber, manakala statistik peratusan, min dan sisihan lazim, serta anova sehalu digunakan untuk mengenal pasti persepsi mahasiswa terhadap sastera siber di Malaysia.

Sebelum memulakan perbincangan, adalah perlu pengkaji menurunkan taburan sampel mengikut etnik dan SES seperti Jadual 1 dan 2 berikut.

Jadual 1 Bilangan dan Peratus Responden Mengikut Etnik

<b>Jantina (N=50)</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Melayu	31	59.6
Bukan Melayu	21	40.4
<b>JUMLAH</b>	<b>52</b>	<b>100.0</b>

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan peratus responden mengikut etnik, didapati mahasiswa Melayu sebanyak 31 orang (59.6%) dan mahasiswa bukan Melayu sebanyak 21 orang (40.4%). Ini jelas menggambarkan realiti mahasiswa universiti terdiri daripada lebih banyak Melayu daripada bukan Melayu.

Jadual 2 Bilangan dan Peratus Responden Mengikut SES

<b>SES</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
SES rendah	22	42.3

SES sederhana	17	32.7
SES tinggi	13	25.0
<b>JUMLAH</b>	<b>52</b>	<b>100.0</b>

Jadual 2 menunjukkan seramai 22 orang responden atau 42.3% berasal daripada keluarga SES rendah; 17 orang atau 32.7% pula datang dari keluarga yang sederhana SES, dan hanya 13 orang atau 25.0% yang hidup dalam keluarga yang tinggi SES. Taburan ini sedikit sebanyak menunjukkan majoriti mahasiswa yang mengikuti program pendidikan terdiri daripada golongan SES rendah.

### Dapatan Kajian

Tafsiran statistik deskriptif adalah seperti dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3 Tafsiran Statistik Deskriptif (Min)

Min	Tafsiran
1 – 1.4	Tidak setuju
1.5 – 2.4	Kurang setuju
2.5 – 3.4	Tidak pasti
3.5 – 4.4	Setuju
4.5 – 5	Sangat setuju

Bagi analisis statistik, aras signifikan untuk menentukan sama ada tidak terdapat perbezaan yang signifikan atau terdapat perbezaan yang signifikan ialah 0.05 (5%).

Berikut ialah dapatan kajian daripada analisis data.

### Persepsi Mahasiswa terhadap Perkembangan Sastera Siber di Malaysia

#### a. Peratusan Persetujuan, Markat Min dan Sisihan Lazim

Perbincangan awal dimulakan dengan markat peratusan persetujuan, markat min dan sisihan lazim responden terhadap perkembangan sastera siber di Malaysia.

JADUAL 4 Peratusan Persetujuan, Min dan Sisihan Lazim Responden terhadap Perkembangan Sastera Siber di Malaysia

Isu-isu Perkembangan Sastera Siber di Malaysia (N=52)	Peratusan (%)			Markat Min	
	Tidak Setuju (Rendah)	Tidak pasti (Sederhana)	Setuju (Tinggi)	Min	Sisihan Lazim
1. Sastera siber membantu memperkembang sastera di kalangan masyarakat umum	4.0	2.0	94.0	3.9800	0.5147
2. Sastera siber hanya medan untuk para penulis muda mencuba bakat dan menyiarkan hasil penulisan mereka	60.0	2.0	38.0	2.3400	1.5066
3. Sastera siber hanya sesuai untuk mengembangkan karya pendek seperti puisi dan cerpen	66.0	2.0	32.0	2.2800	1.3708
4. Kecenderungan menghasilkan novel siber oleh para pembaca di alam maya adalah satu perkembangan yang sihat	52.0	24.0	24.0	2.4200	1.3107
5. Sastera siber lebih menarik isi kandungannya berbanding majalah sastera	26.0	32.0	42.0	3.1200	0.9613
6. Sastera siber sekarang di Malaysia adalah memuaskan	46.0	30.0	24.0	2.5800	1.1265

Jadual 4 jelas memaparkan mahasiswa hanya bersetuju tentang pernyataan no-1 bahawa sastera siber membantu memperkembang sastera di kalangan masyarakat umum dengan min tertinggi, sebanyak 3.9800. Sebaliknya mahasiswa kurang setuju terhadap tiga isu sastera siber, iaitu item no-2, 3, dan 4. Item yang paling tidak disetujui ialah sastera siber hanya sesuai untuk mengembangkan karya pendek seperti puisi dan cerpen, dengan min terendah 2.2800. Ini diikuti dengan isu sastera siber hanya medan untuk para penulis muda mencuba bakat dan menyiarkan hasil penulisan

mereka, dengan min 2.3400, dan kecenderungan menghasilkan novel siber oleh para pembaca di alam maya adalah satu perkembangan yang sihat, telah mencatat min sebanyak 2.4200. Manakala item no-5 dan 6 berada dalam min deskriptif yang tidak pasti (2.5-3.4).

Kadar peratusan dalam jadual 4 menggambarkan persepsi ke arah negatif mahasiswa terhadap sastera siber. Hal ini boleh dikesan daripada enam item yang disoal, empat daripadanya menunjukkan peratusan tidak setuju yang lebih tinggi, terdiri daripada item no- 2, 3, 4 dan 6.

Sebanyak 60% mahasiswa tidak setuju bahawa sastera siber hanya medan untuk para penulis muda mencuba bakat dan menyiarkan hasil penulisan mereka. Alasan-alasan yang diberikan termasuklah sastera siber turut menyediakan ruang bertukar-tukar maklumat, mengadakan bengkel penulisan sastera yang efisien, pengarang berkongsi pengalaman dengan pembaca, dan membuka ruang kepada orang ramai untuk mengenali sastera selain fungsi di atas.

Menyentuh soalan sastera siber hanya sesuai untuk mengembangkan karya pendek seperti puisi dan cerpen, 66% mahasiswa menyatakan ketidaksetujuan mereka dengan sebab bahawa sastera siber didapati sesuai untuk menyiarkan karya panjang secara bersiri, terutamanya novel dan drama, selain bentuk tulisan sastera yang lain.

Sebanyak 52% mahasiswa menyuarakan sikap menentang terhadap perkembangan novel siber yang dihasilkan oleh banyak penulis secara bebas. Fenomena ini dianggap satu perkembangan yang tidak sihat kerana akan menimbulkan masalah ketidakaslian karya itu. Para pembaca bebas menokotambah sesebuah karya sehingga memesongkan idea sebenar yang ingin disampaikan oleh pengarang asal. Selain itu, dikhuatiri juga masalah hak cipta pengarang itu akan timbul kerana sangat banyak pengarang sesebuah karya itu.

Dalam item sastera siber sekarang di Malaysia adalah memuaskan, 46% mahasiswa tidak setuju, 30% tidak pasti, dan 24% setuju. Mahasiswa yang tidak setuju dengan keadaan tersebut memberikan sebab bahawa sastera siber di Malaysia adalah terhad dan sukar untuk diperolehi, karya sastera perlu diperbaiki supaya lebih berkualiti, laman khusus tentang sastera agak terhad dan kebanyakannya hanya salah satu komponen kecil daripada laman hiburan. Di samping itu, mahasiswa juga berpendapat bahawa sastera siber di Malaysia agak kurang informasinya berbanding di Indonesia akibat kurangnya kesedaran orang Malaysia untuk menggunakan sastera siber sebagai mekanisme penting mengembangkan bidang kesusasteraan.

Hanya dua item yang memaparkan sikap positif mahasiswa terhadap sastera siber, iaitu item no-1 dan 5 bahawa sastera siber membantu memperkembang sastera di kalangan masyarakat umum, dan sastera siber lebih menarik isi kandungannya berbanding majalah sastera.

Memang diakui bahawa sastera melalui alam maya dapat menjangkau seluruh dunia tanpa sempadan, oleh itu, sastera siber lebih berkesan untuk mengembangkan sastera dengan mudah, cepat dan berkesan. Kenyataan ini disetujui 94% mahasiswa yang diselidiki dan nyatalah sastera siber mempunyai potensi besar untuk menjalankan tugas tersebut.

Berkenaan isu kandungan sastera siber, sebanyak 42% mahasiswa yang bersetuju bahawa ia lebih menarik berbanding majalah sastera. Hal ini disebabkan pengisian sastera siber yang lebih pelbagai dan terdiri daripada 3D, iaitu teks, grafik dan audio. Namun begitu, 32% daripada responden menyatakan ketidakpastian kerana mereka masih merasa asing dan belum terdedah sepenuhnya kepada sastera siber atau majalah sastera, atau kedua-duanya.

## **b. Anova Sehala dan Nilai F**



Persepsi mahasiswa antara kelompok (*between groups*) dan di kalangan kelompok (*within groups*) terhadap sastra siber seterusnya dianalisis menggunakan Anova sehala yang menggunakan etnik dan SES sebagai dua pembolehubah bebas dalam kajian ini dipaparkan dalam jadual 5 berikut.

JADUAL 5 Anova Sehala Mengenai Persepsi Mahasiswa terhadap Sastra Siber di Malaysia berdasarkan Etnik dan SES

Isu-isu Perkembangan Sastra Siber di Malaysia (N=52)		Min Square	(Etnik) F	(Etnik) Signifikan	(SES) F	(SES) Signifikan
1. Sastra siber membantu memperkembang sastra di kalangan masyarakat umum	Antara kelompok	1.665	7.065	0.011*	0.518	0.599
	Di kalangan kelompok	0.236				
2. Sastra siber hanya medan untuk para penulis muda mencuba bakat dan menyiarkan hasil penulisan mereka	Antara kelompok	1.630	0.714	0.402	0.340	0.713
	Di kalangan kelompok	2.283				
3. Sastra siber hanya sesuai untuk mengembangkan karya pendek seperti puisi dan cerpen	Antara kelompok	2.821	1.517	0.224	2.916	0.064**
	Di kalangan kelompok	1.860				
4. Kecenderungan menghasilkan novel siber oleh para pembaca di alam maya adalah satu perkembangan yang sihat	Antara kelompok	0.222	0.127	0.723	2.104	0.133
	Di kalangan kelompok	1.749				
5. Sastra siber lebih menarik isi kandungannya berbanding majalah sastra	Antara kelompok	0.329	0.351	0.556	4.850	0.012*
	Di kalangan kelompok	0.936				
6. Sastra siber sekarang di Malaysia adalah memuaskan	Antara kelompok	1.332	1.050	0.311	1.035	0.363
	Di kalangan kelompok	1.268				

\* Signifikan pada aras 0.05, \*\* Signifikan pada aras 0.10

Daripada jadual 5 di atas, didapati bahawa kebarangkalian perbezaan persepsi bagi pembolehubah bebas etnik adalah besar pada 7.065 bagi item no-1 (sastera siber membantu memperkembang sastera di kalangan masyarakat umum), dan kesignifikannya pada aras 0.011. Manakala perbezaan persepsi yang agak besar berdasarkan SES ditemui pada item no-3 (sastera siber hanya sesuai untuk karya pendek seperti puisi dan cerpen) dan 5 (sastera siber lebih menarik isi kandungannya berbanding majalah sastera), masing-masing dengan nilai F 2.916 dan 4.850 dan kesignifikannya pada aras 0.064 dan 0.012. Ini menunjukkan wujud perbezaan persepsi yang signifikan antara etnik dan antara SES terhadap perkembangan sastera siber di Malaysia.

Sebaliknya item-item lain memperoleh nilai F yang rendah dan tidak menunjukkan signifikan yang jelas. Ini menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan persepsi yang ketara para responden yang dikaji, sama ada dari segi etnik mahupun SES. Dengan kata lain, mahasiswa mempunyai persepsi yang hampir sama dalam semua item yang tidak signifikan itu.

### **Tafsiran dan Saranan**

Dapatan daripada kajian yang dijalankan pada prinsipnya menunjukkan responden menerima penggunaan sastera siber dalam usaha memperkembang sastera di kalangan masyarakat umum. Ini adalah berdasarkan maklum balas yang diterima menunjukkan responden mengetahui kewujudan sastera siber dan berpendapat bahawa sastera siber boleh digunakan untuk memperoleh maklumat dan informasi tentang perkembangan sastera terkini, sesuai dengan arus perkembangan teknologi maklumat. Mereka juga berpendapat bahawa sastera siber lebih menarik berbanding majalah sastera dengan kemudahan 3D.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa mahasiswa tidak menaruh harapan yang tinggi atau persepsi positif terhadap perkembangan sastera siber. Bagi mahasiswa, sastera siber juga menghadapi kekangan, halangan dan masalah tertentu. Antara masalah-masalah utama yang dinyatakan termasuklah sastera siber kurang mendapat sambutan daripada masyarakat akibat tidak diketahui umum, pengisian laman sastera yang masih terbatas dan kurang menarik, kurangnya laman sastera di Malaysia, atau ruangan sastera yang disediakan terhad atau hanya menjadi sebahagian daripada laman hiburan semata-mata, masalah teknikal seperti kerosakan server atau putusnya bekalan elektrik, masalah ciplak atau cetak rompak hasil karya orang lain, masalah hak cipta bagi karya yang dihasilkan oleh banyak penulis khususnya novel dalam sastera siber, dan lain-lain.

Menyebut tentang masalah penghasilan novel dalam sastera siber, sifat internet sendiri menghadkan penyebaran novel, terutama yang belum diterbitkan. Dalam proses penulisan (episod demi episod), para pembaca akan membaca pantas kerana setiap episod novel itu biasanya tidak berapa panjang, namun setelah novel itu selesai ditulis, dan akan memakan 350 halaman jika dicetak, maka adalah sukar bagi para pembaca membaca seluruh novel dari internet, atau ingin mengimbas episod sebelum ini.

Dalam soal ini, Victor Pogadaev (2005) pernah membuat ramalan bahawa novel besar kemungkinan tidak mempunyai hari depan dalam dunia siber atas faktor kekangan terlalu panjang dan ruang siber yang terhad itu. Beliau lebih bersikap optimis terhadap perkembangan masa depan genre sastera kecil seperti puisi dan cerpen dalam alam maya.

Kebimbangan itu bukannya tidak berasas. Jika kita meninjau laman web sastera di Malaysia seperti [www.pustakamaya.net](http://www.pustakamaya.net), [www.Melayu.com](http://www.Melayu.com)

[www.KaryaNet.com.my](http://www.KaryaNet.com.my) , [www.arahkiri.cjb.net](http://www.arahkiri.cjb.net) atau [www.idealismahasiswa.net](http://www.idealismahasiswa.net), kita akan dapati bahawa kesemuanya tidak menyediakan ruang untuk genre novel dan drama. Genre puisi dan cerpen menjadi pilihan utama semua laman sastera tersebut kerana sifatnya yang pendek, mudah dikendalikan dan mesejnya dapat disampaikan kepada masyarakat umum dengan pantas.

Keadaan ini menjadi lebih serius sekiranya seseorang itu tidak mempunyai komputer atau kemudahan internet, khususnya mereka yang duduk di kawasan luar bandar dan kawasan terpencil. Mereka akan menjadi golongan terpinggir dan tersingkir daripada arus perkembangan teknologi maklumat itu. Bagi mereka yang menikmati kemudahan ini, mereka pula menghadapi masalah dalam bentuk lain seperti kerosakan server atau modem, serangan virus terhadap komputer, terputusnya bekalan elektrik, dan masalah teknikal lain. Dalam hal ini, adalah lebih mudah dan senang untuk membaca karya sastera dalam bentuk buku di mana-mana dan bila-bila berbanding membaca karya sastera di alam maya.

Lantaran itu, kita juga menghadapi beberapa kekangan atau ancaman lain. Pertama, walaupun perniagaan di internet ialah industri yang bernilai RM760 bilion setahun, namun ini hanya peratusan kecil dari seluruh perdagangan dunia, dan tumpuannya lebih banyak pada sektor perbankan dan kewangan. Kedua, manusia hari ini menghadapi masalah *information overload*. Menurut satu kajian bagi setiap orang di planet bumi, hari ini terdapat 80 megabyte maklumat – ini bersamaan dengan 1333 naskhah novel *War and Peace* karya Tolstoy. Ketiga, internet juga menghadapi saingan baru, iaitu SMS. Pada masa ini, 24 billion SMS dihantar oleh manusia dalam masa sebulan. Keempat, hari ini SPAM (*unsolicited bulk commercial e-mail messages*) menjadi masalah besar internet. Daripada sejumlah 5.3 trilion mesej dalam internet, 3 trilion dikategorikan sebagai SPAM. Kelima, waktu membaca yang semakin kurang.

Di Malaysia, kajian menunjukkan masa membaca akhbar hari ini tinggal purata 18 minit sehari bagi rakyat Malaysia (Johan Jaafar, 2004: 44)

Kesemua perkembangan dan ancaman ini memberi kesan kepada internet termasuklah sastera siber. Waktu kita menikmati sastera semakin terbatas, baik di dunia nyata mahupun di dunia siber. Sastera menghadapi saingan semakin sengit daripada pelbagai faktor daya tarikan lain, terutama hiburan dan alat elektronik yang canggih.

Walau bagaimanapun, sastera siber tetap mempunyai kelebihan tersendiri yang terdapat pada sastera konvensional, antara lain termasuklah penerbitan yang lebih pantas dan cepat, murah dan mudah, liputan pembaca yang meluas di seluruh dunia, canggih dan cara persembahan yang moden. Justeru itu, sastera siber tidak seharusnya dipandang sebagai media alternatif kepada sastera konvensional, sebaliknya lebih berupa media pelengkap kepada sastera konvensional yang sangat kuat pengaruhnya. Seiring dengan itu, kedua-dua media itu harus bergandingan dalam usaha mengembangkan sastera kebangsaan dengan jayanya, malahan sastera siber harus dieksploitasikan manfaatnya yang bertindak sebagai alat untuk menyebarkan sastera ke seluruh ceruk dunia (Jamaluddin Mohd. Sulong, 2006: 23).

Ekoran daripada penemuan positif dalam kajian yang telah dijalankan, beberapa saranan dikemukakan di sini untuk difikirkan dari segi amalan dan perancangan institusi terhadap sastera siber di Malaysia. Peruntukan kewangan untuk pembangunan sastera siber perlu dimasukkan dalam agenda belanjawan tahunan agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan insituti pendidikan lain serta badan-badan bukan kerajaan. Hal ini penting untuk menyediakan kemudahan laman sastera yang lebih banyak dan bervariasi.

Pihak organisasi dan badan yang membangunkan sastera siber sewajarnya

melakukan anjakan paradigma dengan berusaha mewujudkan lebih banyak ruangan untuk sastera, khususnya novel dan drama memandangkan kedua-dua genre ini terpinggir daripada menikmati kelebihan teknologi maklumat. Kek ekonomi harus dikongsi bersama, bukannya dibolot oleh satu dua genre semata-mata. Panjang pendek tidak harus dijadikan kayu ukur dalam menentukan kesesuaian penyiaran dalam sastera siber. Kadang-kala sesuatu kelemahan boleh dijadikan kelebihan, dan dalam soal ini, novel panjang yang disiarkan mengikut episod boleh memancing minat pembaca untuk mengikuti ceritanya pada minggu, atau bulan seterusnya. Keadaan ini akan menjamin kekalnya pembaca yang setia untuk melayari laman sastera itu.

Berkenaan pengisian sastera siber, banyak usaha boleh dilakukan untuk melengkapkan ruangan laman sastera, terutama informasi tentang sastera tradisional, sejarah perkembangan kesusasteraan, tokoh-tokoh sasterawan negara, isu-isu sastera, teori-teori sastera dan lain-lain. Kesemua maklumat dan informasi ini harus dibangunkan dalam sastera siber yang bersifat konsisten dan boleh ditokoktambah seandainya terdapat input baru. Hal ini penting untuk memberi pendedahan kepada masyarakat umum, khususnya generasi muda tentang sejarah perkembangan sastera Melayu agar tidak lupa akan akar umbi dan jati diri bangsa Melayu.

## **Kesimpulan**

Seiring dengan era teknologi maklumat, pihak badan dan institusi bahasa dan sastera harus bijak memanipulasikan internet dalam usaha membangunkan sastera ke dunia yang lebih luas saujana. Walaupun sastera siber di negara kita masih menghadapi pelbagai masalah lantaran usia yang masih muda, namun itu tidak harus dijadikan alasan kita untuk mengabaikan atau memandang sepi akan perkembangan sastera siber di Malaysia. Sesungguhnya mereka yang tidak mengikuti perkembangan

teknologi maklumat akan ketinggalan pada zaman moden ini. Oleh itu, marilah kita sama-sama menyusun gerak, mengatur rentak dan merubah tapak tradisi kepada satu wahana yang dapat meningkatkan imej dan kedudukan sastera kita di mata dunia.

## RUJUKAN

- Abdul Kadir Marsono & rakan-rakan. 2000. Pelaksanaan Pembelajaran Maya di Fakulti Kejuruteraan Awam. *Prosiding Konvesyen Pendidikan UTM*. Skudai: Penerbit UTM.
- Cornish, E. 1999. The Cyber Futures. <http://leep.lis.uiuc.edu/spring02/LIS450CML/Forecasting/Cyberfuture.pdf>
- Editorial. 2006. Mengangkat Martabat Karya-karya di Internet. 2-15 Julai. [www.sastera-sms.com](http://www.sastera-sms.com)
- Editorial. 2007. Berkenalan dengan Esastera.com. *Sastera.Net*. Edisi 1: 15.
- Irwan Abu Bakar. 2007. Dari Blog ke Slog: Selepas Sastera Siber, Sastera SMS? *Sastera.net*. Edisi 1: 18-21.
- Jaya Kumar C. Koran. 2001. Aplikasi 'E-Learning' dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah-sekolah Malaysia: cadangan Pelaksanaan pada Senario Masa Kini. Seminar Kebangsaan Penggunaan Bahasa sumber Pendidikan dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Kementerian Pelajaran Malaysia, 27-29hb. Jun.
- Johan Jaafar. 2004. Ke Arah Sastera Siber atau E-Sastera. *Dewan Sastera*, Februari: 42-44.
- Jonassen, D.H., Peck, K.K., & Wilson, B.G. 1998. *Learning With Technology: A Constructive Perspective*. New Jersey: Prentice-Hall.
- KaryaNet Pelengkap Kepada Penerbitan Bercetak. Wawancara dengan Jamaluddin Mohd. Sulong. *Dewan Sastera*, November: 22-25.
- Mohd. Dahri Zakaria. 2004. Sastera Siber Sebagai Wadah Alternatif. *Mahasiswa*, Februari.
- Mohamad Daud Mohamad. 2006. KaryaNet dan Sastera Siber. *Dewan Sastera*, November: 19-21.
- Norafida Itnin & Othman Ibrahim. 2000. E-Pembelajaran Secara Langsung (Live E-learning) dalam Pembelajaran Maya. *Prosiding Konvesyen Pendidikan UTM*. Skudai: Penerbit UTM.

- Saedah Siraj & Mohd Paris Saleh. 2003. Aplikasi Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Peringkat Sekolah Menengah: Jangkaan Masa Depan. *Jurnal Pendidikan*, **23**: 123-139.
- Victor Pogadaev. 2005. Sastera Siber: ke mana Jalannya? Kertas Kerja Bicara Karya dan Malam puisi eSastera.com. Persatuan Penulis Kelantan, 10hb. Jun.
- Wan Abu Bakar Wan Abas. 2006. New Thinking on Cyber Poems. [www.esastera.com/kk/internetpoetry.htm](http://www.esastera.com/kk/internetpoetry.htm).
- Zalina Mohd. Aris. 2000. Students' Perception of Suitable Educational Activities for the Proposed computer Aided Language Learning (CALL) Center in ITTHO. Kajian Pendidikan. Institut Teknologi Tun Hussein Onn.